

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN BARU BIAN [SELANGAU]

TARIKH : 28 OKTOBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa banyak wang yang telah dibelanjakan untuk mengubah perkhidmatan digital Kerajaan dan berapa banyak adalah syarikat teknologi milik Malaysia.

JAWAPAN:

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR ABD LATIFF AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa komited dalam melaksanakan transformasi penyampaian perkhidmatan Kerajaan kepada perkhidmatan Digital. Inisiatif yang dilaksanakan bertujuan meningkatkan produktiviti dan daya saing negara serta kecekapan dan keberkesanan jentera pentadbiran negara dengan memanfaatkan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) secara intensif serta komprehensif.
2. Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri memainkan peranan dalam memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan awam melalui pendigitalan ke arah perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan.
3. MAMPU telah menyediakan perkhidmatan guna sama merentas agensi Kerajaan melalui 23 projek ICT melibatkan peruntukan Pembangunan Rancangan Malaysia Ke-11 sebanyak RM1.452 bilion dan kesemua syarikat yang terlibat adalah syarikat milik Malaysia.